

## Sekolah Lestari - Anugerah Alam Sekitar

Program Sekolah Lestari Anugerah Alam Sekitar adalah program kerjasama di antara Jabatan Alam Sekitar, Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar, Jabatan Sekolah, Kementerian Pelajaran Malaysia serta Institusi Alam Sekitar dan Pembangunan, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) yang telah dilancarkan pada 27 Januari 2005.

Terdapat empat (4) komponen utama yang ditekankan dalam program ini iaitu pengurusan, penghijauan, kokurikulum dan kurikulum. Secara dasarnya program ini merupakan payung kepada semua aktiviti-aktiviti berasaskan alam sekitar di sekolah seperti Projek Riadah Alam Sekitar (PRIAS), Projek Wira Alam, Program Eco -Youth, Program RE & EE (Renewable Energy & Energy Efficiency), Program Keceriaan Taman, Program 3K (Keselamatan, Kebersihan dan Keindahan), Program KitS (Kitar Semula), Kem Kesedaran Alam Sekitar dan aktiviti-aktiviti alam sekitar yang lain. Program ini bertujuan untuk membantu sekolah memperkukuhkan program-program pendidikan alam sekitar yang sedia ada. Program ini juga berkonsepkan pendekatan menyeluruh yang melibatkan semua lapisan warga sekolah bersama keluarga, komuniti setempat, kerajaan, pihak swasta dan badan bukan kerajaan.

Sehingga akhir sesi ke-2 program ini, sebanyak 125 buah sekolah telah menyertai program ini. 40 penyertaan dari sekolah rendah dan 85 penyertaan dari sekolah menengah.

[Sesi pertama 2005/2006 : 68 penyertaan (23 sekolah rendah, 45 sekolah menengah)]

[Sesi kedua 2007/2008 : 72 penyertaan (25 sekolah rendah, 47 sekolah menengah)-dari jumlah ini 15 sekolah telah menyertai semasa sesi pertama].

Pemenang Sekolah Lestari- Anugerah Alam Sekitar :

Sesi	Peringkat Sekolah Rendah	Peringkat Sekolah Menengah
2005/2006	Sekolah Jenis Kebangsaan (C) Chi Hwa, Sandakan, Sabah	Sekolah Menengah Kebangsaan Datuk Peter Mojuntin, Penampang, Sabah
2007/2008	Sekolah Kebangsaan Bakri Batu 5, Muar, Johor	Sekolah Menengah Kebangsaan (P) Methodist, Pulau Pinang

Majlis Penganugerahan Sekolah Lestari 2007/2008 telah diadakan serentak dengan Majlis Pelancaran Rakan Alam Sekitar. Majlis ini telah diadakan pada 4 Jun 2009 bersempena Sambutan Hari Alam Sekitar Sedunia 2009. Seramai 1,000 orang jemputan telah hadir

pada majlis yang disempurnakan oleh Y.A.B. Tan Sri Muhyiddin Mohd Yassin, Timbalan Perdana Menteri Malaysia merangkap Menteri Pelajaran Malaysia ini.

#### Bengkel Promosi Sekolah Lestari -Anugerah Alam Sekitar 2007/2008

Bengkel Promosi Sekolah Lestari-Anugerah Alam Sekitar 2007/2008 – Peringkat Kebangsaan telah diadakan pada 11-12 Mac 2009 di Bayview Beach Resort, Pulau Pinang. 33 orang peserta terdiri daripada pegawai--pegawai JAS Negeri dan Jabatan Pelajaran Negeri seluruh Malaysia telah dilatih untuk mempromosikan program ini di negeri masing-masing. Susulan daripada itu, pada tahun 2009, sebanyak 24 bengkel/taklimat promosi SLAAS telah dijalankan diseluruh Malaysia dengan 1891 orang penyertaan. Pecahan 24 bengkel/taklimat promosi SLAAS tersebut adalah seperti di dalam Jadual 1.

Negeri	Aktiviti	Tarikh	Tempat	Bil. Peserta
Labuan	i Bengkel Promosi	22 April 2009	Hotel Waterfront, Labuan	21
Pulau Pinang	i Taklimat Peringkat Sek. Menengah	1 Jun 2009	Maktab Perguruan Tunku Bainun	250
	ii Program Sek. Lestari - SMK Kg. Kastam	27 Jun 2009	SMK Kg. Kastam	100
	iii Program Sek. Lestari - SMK Task Mutiara	18 Julai 2009	Tmn Negeri Bukit Panchor	100
	ii Taklimat Peringkat Sek. Rendah	29 Julai 2009	SMK Guar Perahu	200
Langkawi	i Seminar SLAAS	20 April 2009	Hotel Grand Continental	41
Perak	i Taklimat SLAAS	7 April 2009	JAS Perak	36
	ii Bengkel Penyediaan Laporan & Dokumen	9-10 Januari 2010	The Orients Star	30
Johor	i Bengkel Promosi	5-7 Oktober 2009	Tanjung Piai Resort	45
Negeri Sembilan	i Bengkel Promosi	14-15 Julai 2009	Glory Beach Resort, PD	30
Sabah	i Taklimat Promosi	15 Ogos 2009	JAS Sabah	26
Pahang	i Bengkel Promosi	23 Jun 2009	Wisma Belia, Kuantan	84
	ii Bengkel Promosi	16 Julai 2009	Hotel Green Park, Temerloh	40
Perlis	i Bengkel Promosi	16 April 2009	Perpustakaan Awam Kangar	93
Melaka	i Bengkel Promosi	20-21 Julai 2009	Hotel Avilion Legacy, Melaka	30

Terengganu	i Bengkel Promosi	14 Julai 2009	Permai Inn, Kuala Terengganu	79
Selangor	i Bengkel Promosi	28 April 2009	Hotel Goldcourse, Klang	81
Kuala Lumpur	i Taklimat Promosi	2 April 2009	Dewan Ibnu Sina, PSN	270
	ii Seminar Penyediaan Dokumen	11 Julai 2009	SMK Dato' Ibrahim Yaacob	123
Kedah	i Bengkel Promosi (Zon Selatan)	5 Mei 2009	Hotel Swiss Inn, Sg. Petani	30
	ii Bengkel Promosi (Zon Utara)	27 Mei 2009	Pusat Sumber Pendidikan, Alor Star	30
Sarawak	i Bengkel Promosi (Zon Kuching)	23-24 Mei 2009	Hotel Grand Continental	55
	ii Bengkel Promosi (Zon Tengah)	17-20 Ogos 2009	Kingwood Resort Hotel, Mukah	43
	iii Bengkel Promosi (Zon Utara)	4-7 November 2009	Dewan Suarah Baram Marudi, Miri	54
Jumlah	24			1891

Jadual 1 : Bengkel/taklimat SLAAS yang dijalankan oleh JAS Negeri

BENGKEL PROMOSI SEKOLAH LESTARI -ANUGERAH ALAM SEKITAR – PERINGKAT KEBANGSAAN  
BAYVIEW BEACH RESOR, PULAU PINANG  
11-12 MAC 2009



MAJLIS PELANCARAN RAKAN ALAM SEKITAR DAN  
PENGANUGERAHAN SEKOLAH LESTARI -ANUGERAH ALAM SEKITAR 2007/2008  
DEWAN JUBLI INTAN SULTAN IBRAHIM, MUAR, JOHOR  
4 JUN 2009



